

13 OCT 2001

MAHATHIR-APEC

PEMIMPIN-PEMIMPIN BEBAS BERSUARA DI APEC, KATA DR MAHATHIR

KUALA LANGAT, 13 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata bahawa mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) yang akan berlangsung di Shanghai kali ini akan membolehkan pemimpin-pemimpin bertemu dan diharapkan dapat membolehkan mereka menyuarakan pendapat masing-masing dengan bebas mengenai isu-isu semasa dunia.

"Jika kita ada satu pihak sahaja yang dibenarkan bersuara, ia bukanlah dialog dan kita tidak akan dapat mengenal pasti masalah dan sebab-sebabnya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Paya Indah Wetlands di Dengkil, dekat sini, hari ini.

Dalam APEC, kata beliau, pemimpin-pemimpin boleh berbincang secara terbuka mengenai sebab-sebab dan cara-cara untuk mengatasi dan membendung kegiatan pengganas. "Kita tidak ada niat lain. Kita mahu menghapuskan pengganas tetapi ia mestilah dilakukan dengan cara yang berkesan."

Dr Mahathir berkata, Malaysia sendiri mempunyai pengalaman menentang pengganas selama lebih 42 tahun, yang telah mengakibatkan kematian bukan sahaja warga negaranya tetapi juga anggota tentera.

Bagaimanapun, kejayaan negara ini dalam memerangi pengganas bukanlah semata-mata kerana angkatan tentera, tetapi juga kerana ia berupaya mengenal pasti sebab-sebab mereka (pengganas) memberontak dan menanganinya.

Dalam konteks ini, Perdana Menteri berkata, sebab-sebab kenapa orang melakukan perbuatan yang luar biasa, umpamanya membunuh diri sendiri dan melakukan serangan yang ngeri seperti serangan ke atas Pusat Perdagangan Dunia (WTC) di New York baru-baru ini, perlulah dikenal pasti.

Dr Mahathir berkata, salah satu sebabnya mungkin isu Palestin yang tidak berkesudahan serta penderitaan dan kematian yang dihadapi oleh rakyat Chechnya dan Iraq.

Kesemua isu ini mestilah diberikan perhatian sewajarnya dan ditangani, untuk mengurangkan tindakan pengganas, kata Perdana Menteri, sambil menambah bahawa harus juga ada takrif yang jelas tentang bagaimanakah seorang itu ditakrifkan sebagai pengganas ataupun tidak.

Ada juga cara lain untuk mengganas, misalnya menentang tentera, tetapi dengan meletupkan diri sendiri dalam sebuah pasaraya di mana tidak terdapat seorangpun anggota tentera dan sebaliknya menyebabkan orang tidak berdosa terbunuh, maka itu adalah tindakan ganas, tegas beliau.

Mereka yang berjuang demi negara mereka juga tidak boleh dianggap pengganas, tetapi jika mereka menggunakan cara membunuh orang tidak berdosa, maka mereka itu memanglah pengganas, tambah beliau.

Menyentuh tentang Paya Indah Wetlands, Dr Mahathir berkata ia merupakan pemberian negara daripada kerajaan pusat melalui kerajaan negeri Selangor serta pihak-pihak lain yang turut memberi sumbangan.

Kawasan tanah lembah yang terbentang seluas 3,000 hektar ini, menawarkan pelbagai bentuk ekosistem yang mengagumkan, dari tanah lombong yang dipulihkan hinggalah kepada hutan paya tanah gambut.

Selain merupakan syurga pemerhati burung, hidupan liar istimewa yang lain termasuklah buaya muara, badak air Botswana, rusa paya India, burung bangau China serta flora dan fauna lain.

Ia dibuka pada hari bekerja, kecuali Isnin, manakala bayaran masuk yang dikenakan ialah RM5 bagi orang dewasa dan RM3 bagi kanak-kanak, tetapi pada hujung minggu bayaran masuk yang dikenakan bagi orang dewasa ialah RM7 dan kanak-kanak RM4.

Menyentuh tentang pelestarian alam sekitar, Dr Mahathir berkata, ada ketikanya pemaju-pemaju tidak mengendahkan seruan supaya tidak menarah bukit jika boleh melaksanakan projek pembangunan tanpa memusnahkan alam sekitar.

Tidak perlu meratakan bukit kerana bukit-bukit itu sendiri merupakan keindahan persekitaran dan beberapa projek pembangunan yang mengekalkan persekitaran semula jadi telah mendapat faedah daripadanya, kata beliau.

Sambil menggesa pemaju-pemaju dan arkitek-arkitek supaya lebih prihatin terhadap alam sekitar apabila mereka melakarkan pelan mereka, Perdana Menteri juga berkata bahawa pakar-pakar alam sekitar pula tidak harus terlalu fanatik kerana harus ada keseimbangan di antara usaha memelihara alam sekitar dan pembangunan. -- BERNAMA

SHO MKO KY ZK